

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 NOVEMBER 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Masyarakat tak hargai hasil ciptaan sendiri	Berita Harian
2	RM100 juta perkasa firma teknologi	Berita Harian
3	Sedia dana RM100 juta	Harian Metro
4	Axiata lancar dana ADIF	Kosmo
5	RM100j bantu syarikat digital	Utusan Malaysia
6	Bumiputra companies should take advantage of digital fund	The Malay Mail
7	Axiata, Mavcap setting up RM100mil venture fund	The Star
8	Axiata partners Mavcap to set up RM100 million innovation fund	The Sun
9	Putting beliung cetus misteri	Harian Metro
10	Uji bunyi sistem siren tsunami	Sinar Harian
11	Anwar tidak kemuka saksi alibi	Sinar Harian
12	Anwar could have tested own DNA	The Star
13	Anwar patut jalani ujian DNA buktikan profil 'lelaki Y' bukan miliknya - Pendakwaan	Bernamea.com
14	2014 World Space Week at the Planetarium from November 8	New Straits Times Online
15	BN Sabah gerakkan kembali jawatankuasa penubuhan RCI	Bernamea.com

Masyarakat tak hargai hasil ciptaan sendiri

Kepelbagaian kaum dan budaya di negara ini menjadikan Malaysia negara yang istimewa dan mampu menjadi pusat rekaan di rantau ini.

Budaya Melayu, India dan Cina, sama ada digabungkan atau berdiri dengan sendiri mempunyai nilai tersendiri dalam penghasilan rekaan yang boleh menaikkan nama negara dan diminati segenap lapisan masyarakat tidak kira tempatan atau luar negara.

Bagaimanapun, bidang rekaan tempatan dilihat seolah-olah malap apabila masyarakat lebih gemar dan percaya kepada rekaan dihasilkan pereka luar negara walaupun ada rekaan dari negara luar yang murah, tetapi tidak berkualiti tetap menjadi pilihan.

Festival Reka Bentuk Malaysia

Menyedari hakikat ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM) menganjurkan Festival Reka Bentuk Malaysia (MADE 2014) pada September lalu, yang diadakan julung kali bagi mengumpul lima persatuan yang mewakili lebih 15,000 ahli itu.

Lima persatuan itu adalah Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Pertubuhan Perakabentuk Dalam Malaysia (MHID), Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Pertubuhan Wakaf Reka Grafik Malaysia (WREGA) dan Persatuan Pereka Perindustrian Malaysia (PEREKA).

Pengerusi Majlis Reka bentuk Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin (*gambar*), berkata kerajaan mahu menjadikan Malaysia sebagai hab bagi industri reka bentuk berikutan keunikan negara yang penuh dengan kepelbagaian budaya dan bangsa.



"Kita mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat (*melting pot*) yang mana pelanggan tidak lagi perlu ke negara lain kerana semua ada di sini.

"Kepelbagaian budaya dan adat menjadikan hasil rekaan dari negara ini menepati kehendak pelanggan luar negara. Misalnya, ada orang Amerika yang datang ke Malaysia untuk mendapatkan rekaan bagi pasaran di negara China, Malangnya, pelanggan tempatan tidak menghargai hasil anak tempatan," katanya.

Kepentingan industri reka bentuk

Beliau berkata, industri reka bentuk ini sama pentingnya dengan industri teknologi lain. Tanpa rekaan yang menarik dan selesa tentunya apa sahaja teknologi sukar untuk dipasarkan.

"Industri automotif, contohnya, pereka memainkan peranan penting dalam menghasilkan kenderaan menarik serta selesa. Pelanggan pula, tentunya luaran dan dalaman kenderaan yang menjadi pilihan utama sebelum beralih kepada enjinnya," katanya.

Beliau berkata MADE 2014 bertujuan mengubah sedikit sebanyak persepsi masyarakat mengenai rekaan oleh pereka tempatan yang setanding dengan rekaan luar negara.

"Kita mahu supaya masyarakat tempatan memberi peluang kepada pereka tempatan kerana ia bukan sahaja dapat membantu industri rekaan negara, sekali gus dapat melonjakkan ekonomi negara," katanya.

Menerusi MADE 2104, orang ramai dan pihak industri boleh melihat secara dekat pameran, demonstrasi, reka bentuk produk dan projek eksperimen yang dikemukakan lima persatuan itu.

Pihak MRM turut menganjurkan perkongsian ilmu dan pengalaman menerusi bengkel dan ceramah berhubung beberapa isu menerusi festival yang berlangsung selama dua hari itu.

RM100 juta perkasa firma teknologi

» MAVCAP wujud Dana ADIF rangsang ekosistem digital

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Axiata Group Bhd dan Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) mewujudkan Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF) bernilai RM100 juta untuk disalurkan kepada syarikat teknologi tempatan, dengan 70 peratus diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera.

Dana modal teroka digital korporat yang terbesar pernah dibentuk itu bermatlamat menggalak dan merangsang inovasi serta pertumbuhan ekosistem digital di Malaysia.

Bagi fasa pertama, Axiata

dan MAVCAP masing-masing menyuntik RM50 juta dan RM20 juta ke dalam dana berkenaan, manakala fasa kedua menyaksikan baki RM30 juta lagi akan dijana oleh pelabur prinsipal lain yang sedang dikenal pasti.

Dibuka kepada syarikat Malaysia

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata, Datuk Seri Jamaludin Ibrahim (**gambar**), berkata pembentukan ADIF adalah sebahagian daripada agenda memperkakan ekonomi Bumiputera dengan membabitkan penyer-taan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Kami menyasar memper-untukkan sehingga 70 peratus ADIF kepada syarikat Bumiputera dan selebihnya dibuka kepada syarikat Malaysia yang lain," katanya kepada pemberita selepas memeterai perjanjian pembentukan dana itu di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memeterai perjanji-

an itu bagi pihak Axiata, manakala MAVCAP diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jamaludin Bujang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir menyaksikan perjanjian itu.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek serta Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd merangkap Pengerusi Axiata, Tan Sri Azman Mokhtar.

ADIF dibuka kepada syarikat teknologi tempatan yang berada pada peringkat awal pertumbuhan dan memerlukan sokongan untuk meningkatkan skala produk serta pasaran.

Syarikat berkenaan mestilah terbabit dalam bidang perkhidmatan digital dalam sektor seperti perdagangan, kesihatan, pengiklanan, Internet, perkhidmatan kewangan dan yang berkaitan.



Pemohonan syarikat Bumiputera pula mestilah membabitkan syarikat dengan pemegangan saham sekurang-kurangnya 51 peratus daripada kaum berkenaan.

Mengulas lanjut, Jamaludin Ibrahim berkata ADIF menyasar untuk mewujudkan lima hingga 10 peneraju utama serantau dalam perkhidmatan digital menjelang 2020.

Menerusi program berkenaan, beliau berkata, pihaknya berhasrat membimbing tenaga kerja, bagi membolehkan mereka berkembang dengan lebih besar dan pantas.

"Ini sejajar dengan matlamat Axiata untuk 'Berkembang ke Asia' menerusi hubungan, teknologi dan tenaga kerja. Kami juga menyasar membawa perubahan sebenar kepada kehidupan rakyat dan membantu mentransformasikan ekonomi negara di mana kami beroperasi," katanya.

Sedia dana **RM100 juta**

■ AXIATA, MAVCAP galak inovasi, pertumbuhan ekosistem digital negara

Oleh Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@mediapri-
ma.com.my
Kuala Lumpur

FOTO: ABDULLAH YUSOF

Axiata Group Berhad (AXIATA) dan Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) menubuhkan dana modal teroka bernilai RM100 juta dikenali Axiata Digital Innovation Fund (ADIF) bertujuan menggalakkan inovasi serta pertumbuhan ekosistem digital Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AXIATA, Datuk Seri Jamaludin Ibrahim berkata, pihaknya dijangka memperuntukkan sejumlah RM50 juta ke dalam dana terbabit manakala MAVCAP menyalurkan RM20 juta untuk fasa pertama dengan baki selebihnya diraih daripada pelabur utama lain.

"Dana ini akan membantu syarikat teknologi tempatan terutama dalam kalangan Bumiputera dengan sasaran sebanyak 70 peratus untuk syarikat Bumiputera dengan pegangan saham Bumiputera minimum 51 peratus manakala 30 peratus lagi untuk warga



Najib menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Jamaludin Ibrahim (dua dari kanan) dan Jamaludin Bujang. Turut kelihatan, Ahmad Shabery (kanan) dan Pengerusi Axiata group Berhad, Tan Sri Azman Mokhtar di The Royale Chulan, Kuala Lumpur, semalam.

Malaysia lain," katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara AXIATA dan MAVCAP di sini, semalam.

Upacara terbabit disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Syarikat perniagaan yang layak menerima bantuan ADIF ini terdiri daripada syarikat yang sudah mula

menjana hasil, namun masih memerlukan sokongan dari aspek pembiayaan, pengetahuan dan pencapaian dalam pasaran digital serta memiliki pelan perniagaan ekonomi dan produk boleh dipertingkatkan.

Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP, Jamaludin Bujang berkata, pihaknya menjangkakan dana terbabit mampu membantu kewujudan antara lima hingga 10 peneraju utama dalam per-

niagaan perkhidmatan digital di rantau Asia Tenggara menjelang 2020.

Menurutnya, kewujudan dana itu diharap dapat memberi kesedaran kepada syarikat Malaysia terhadap nilai melabur secara aktif dan membabitkan diri dalam dana modal teroka, sekali gus memastikan mereka kekal kompetitif untuk

"Dana ini akan membantu syarikat teknologi tempatan terutama dalam kalangan Bumiputera"
Jamaludin Ibrahim

menghadapi persaingan ekonomi global terutama daripada syarikat multinasional (MNC) milik asing.

"Dana ini disasarkan untuk dilancarkan menjelang akhir tahun ini dengan pembiayaan maksimum berjumlah RM10 juta dan mampu memberi manfaat kepada antara 10 hingga 15 syarikat," katanya.

RM100 juta diperuntuk bagi sektor perkhidmatan digital

Axiata lancar dana ADIF

Oleh JOHANNA A. SOBREY
johanna.sobrey@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Axiata Group Bhd. (Axiata) dan Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavecap) bekerjasama dalam mendorong inovasi dan pertumbuhan ekosistem digital di Malaysia menerusi penubuhan Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF) bernilai RM100 juta.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata, Datuk Seri Jamaludin Ibrahim berkata, dana modal teroka itu akan membantu syarikat yang mempunyai produk inovatif dan menepati keperluan sektor perkhidmatan digital di Malaysia.

"Axiata akan memperuntukkan sejumlah RM50 juta manakala Mavecap akan me-

nyalurkan RM20 juta untuk fasa pertama dana ini manakala selebihnya akan diraih daripada pelabur utama lain.

"Syarikat yang layak menerima bantuan ini perlu memulakan usaha menjana hasil tetapi memerlukan sokongan dari segi pembiayaan, pengetahuan dan capaian akses pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraian perjanjian penubuhan ADIF yang disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini semalam.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Jamaludin yang mewakili Axiata dan Mavecap diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jamaludin Bujang.

Selain itu, Jamaludin menjelaskan, dengan lebih 13 juta



JAMALUDIN (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Jamaludin Bujang (kiri) sambil disaksikan oleh Najib di Kuala Lumpur semalam.

pelanggan di Malaysia dan 250 juta pelanggan di seluruh Asia, usahawan terlibat akan diberi peluang untuk meneroka pasaran melalui pembiayaan yang disediakan dan jalinan paka-

tan serantau yang hanya dapat diperoleh menerusi capaian Axiata yang meluas dan pengetahuan yang mendalam mengenai rantau ini.

"Dana modal teroka korpo-

rat digital terbesar itu diya kini dapat memberi sokongan kepada sebilangan perniagaan perkhidmatan digital tempatan, khususnya syarikat bumiputera," katanya.

INFO Dana Inovasi Digital Axiata

■ Saiz dana: RM100 juta

- Fasa pertama: Axiata Group Bhd. (RM50 juta) dan Malaysia Venture Capital Management Bhd. (RM20 juta)

- Fasa kedua: Baki akan diraih daripada pelabur lain

Merupakan dana modal teroka korporat digital terbesar di Malaysia

■ Tujuan: Menggalakkan inovasi dan pertumbuhan ekosistem digital negara

■ Kumpulan fokus: Syarikat yang menjana hasil tetapi memerlukan sokongan pembiayaan, pengetahuan dan akses dalam pasaran digital

RM100j bantu syarikat digital

Oleh FADZIL ZAINOL
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 NOV.

AXIATA Group Bhd. (Axiata) mengadakan perjanjian dengan Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap), bagi menubuhkan dana modal teroka bernilai RM100 juta untuk menyokong syarikat perkhidmatan digital tempatan khususnya milik bumiputera.

Dana itu dinamakan sebagai Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF) dengan Axiata memperuntukkan sejumlah RM50 juta, manakala Mavcap menyalurkan RM20 juta dan bakinya akan diraih daripada pelabur-pelabur lain.

Pengarah Urusan Axiata, Datuk Seri Jamaludin Ibrahim berkata, pihaknya menjangka usaha itu dapat melahirkan lima hingga 10 syarikat digital tempatan yang mampu menembusi dan menguasai pasaran serantau.

Katanya lagi, dana ini akan membantu syarikat-syarikat yang baharu berada di peringkat permulaan, tetapi memerlukan sokongan khususnya aspek kewangan untuk membangunkan produk inovasi masing-masing.

"Bantuan bukan setakat kewangan sahaja, tetapi juga boleh mengambil kesempatan terhadap jaringan perniagaan Axiata untuk membawa syarikat-syarikat ini ke



NAJIB TUN RAZAK (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Jamaludin Bujang (kiri) dengan Jamaludin Ibrahim untuk menubuhkan dana modal teroka bernilai RM100 juta di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

pasaran serantau," katanya semasa majlis menandatangani perjanjian antara syarikatnya dengan Mavcap di sini hari ini.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Jelas Jamaludin, pecahan dana itu ialah 70 peratus diperuntukkan kepada bumiputera dan selebihnya kepada bukan bumiputera.

Sementara itu, Ketua Pegawai

Eksekutif Mavcap, Jamaludin Bujang berkata, dijangka 10 hingga 15 buah syarikat akan menerima bantuan tersebut dengan anggaran setiap syarikat menerima antara RM8 juta hingga RM10 juta.

"Fokus akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang telah mempunyai produk dan potensi untuk diperkembangkan. Sesiapa yang berminat boleh melayari laman web Axiata atau Mavcap untuk mengetahui lebih lanjut perkembangan dana ini," katanya.

Bumiputra companies should take advantage of digital fund

By Fatimah Rashid
business@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Series A digital services business owners will have the opportunity to receive funding through the Axiata digital innovation fund, established in a collaboration between Axiata Group Bhd and Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap), which will be ready by the end of the year.

It is hoped that the fund will increase the number of bumiputra-owned digital companies, which currently makes up approximately 30 per cent of digital companies in Malaysia.

"Axiata has been growing significantly over the last few years and now feels a responsibility to spur other Malaysian companies, especially bumiputra, to become successful too," said Axiata chief executive officer Datuk Seri Jamaludin Ibrahim.

The fund is open to all Malaysians, and although it targets funding 70 per cent bumiputra companies and 30 per cent non-bumiputra companies, Jamaludin said this is not necessarily a hard-and-fast rule.

Axiata will contribute RM50 million in the RM100 million venture

capital fund, while RM20 million will come from Mavcap, with the remaining to be raised from principal investors yet to be identified.

According to Jamaludin, the fund will encourage and spur innovation and growth of Malaysia's digital ecosystem.

Mavcap CEO Jamaludin Bujang said this fund will reduce dependence on government funding and increase availability of funding for deserving companies.

"We hope that with this initiative, more Malaysian corporations will realise the value in actively investing and participating in venture capital funds," he said.

"This is all the more crucial for Malaysian multinational companies, as they must take steps to remain competitive in an increasingly globalised economic environment, particularly in the face of fiercer competition expected from foreign-owned MNCs as the economy becomes more liberalised in the future."

The fund will focus on series A financing onwards, and only businesses offering digital services are eligible to receive the funds.

The agreement signing was witnessed by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and Minister of Communications and Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak witnessing the signing ceremony between Axiata Group Berhad and Malaysia Venture Capital Management Berhad for the establishment of the Axiata Digital Innovation Fund.

Axiata, Mavcap setting up RM100mil venture fund



KUALA LUMPUR: Axiata Group Bhd is setting up a RM100mil venture fund with Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap) to nurture bumiputra and Malaysian digital services innovators.

"Axiata will commit RM50mil to the Axiata Digital Innovation Fund (ADIF), while Mavcap will commit RM20mil to the first phase. The remaining will be raised from other principal investors," president and group chief executive officer (CEO) Datuk Seri Jamaludin Ibrahim (pic) said at the launch of the fund here.

The event was witnessed by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and Communications and Multimedia Minister Datuk Seri

Ahmad Shabery Cheek.

"We have not (identified principal investors), but are talking to a few. It will be in phase two. We believe this will be a success," Jamaludin said.

He said 70% of the fund would be allocated to the bumiputra segment, while the rest would go to all Malaysians. He urged bumiputra companies to work with other Malaysians to create a win-win situation for all.

Jamaludin said in a jest that the fund looked for Ali and Baba and not Alibaba. Alibaba Group is a China e-commerce company with a sensational initial public offering success.

ADIF, which is the country's largest digital corporate venture capital

fund, will aid companies in the digital services space with innovative products and market fit. These companies will be revenue-generating but require support to grow in terms of funding, know-how and market access. The fund targets series A-level investments.

Jamaludin hopes to build five to 10 regional champions in digital services by 2020 with the availability of the fund.

"We intend to nurture talent, enabling them to grow bigger and faster with this programme."

"This is very much in line with our goal of 'Advancing Asia' via connectivity, technology and talent.

"We also aim to make a real differ-

ence in people's lives and help transform the economies of the countries in which we operate," he added.

Mavcap CEO Jamaludin Bujang said for a company to be eligible for the fund, it must have a scalable product and an economical business plan.

"They must have all the boxes ticked and attractive valuations," he added.

He said the fund was targeted to be launched by year-end, with a maximum funding of RM10mil and benefiting between 10 and 15 companies.

Mavcap and its partners, Teak Capital and Questmark Capital, are ADIF's fund managers.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (SUNBIZ) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 05 NOVEMBER 2014 (RABU)

Axiata partners Mavcap to set up RM100 million innovation fund



Najib (centre) and Axiata Group chairman Tan Sri Azman Mokhtar witnessing the exchange of documents between Jamaludin Bujang (left) and Jamaludin Ibrahim yesterday.

BY **PREMALATHA JAYARAMAN**
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Axiata Group Bhd has teamed up with **Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap)** to establish a RM100 million venture capital fund – the Axiata Digital Innovation Fund (ADIF) – to encourage and spur innovation as well as growth of Malaysia's digital ecosystem.

Axiata president and group CEO Datuk Seri Jamaludin Ibrahim said the company will commit RM50 million and Mavcap RM20 million to the fund under the first phase.

The remaining RM30 million will be raised from other principal investors under the second phase.

"We have not identified (the

potential principal investors) yet. But we are already talking to people," Jamaludin told reporters after Axiata and Mavcap signed an agreement to set up the fund, witnessed by Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak and Communications and Multimedia Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, here yesterday.

Jamaludin said the fund would focus on investing in companies in the digital space such as commerce, health, and advertising, internet of things and financial services with innovative products and market fit that requires support in terms of funding, know-how and market access.

He added that the fund, targeted to be ready by year-end with a

maximum funding of RM10 million, will benefit between 10 and 15 companies.

Mavcap CEO Jamaludin Bujang said the fund is in line with the government's objective to build up the capabilities of local technology companies, especially bumiputras.

"The new fund is in line with our aspiration to increase the availability of funding to deserving companies while at the same time reducing dependence on government funds," he said.

"We have to be confident in a company (that we want to invest in) in terms of its business plan, management and track record."

Mavcap and its partners, Teak Capital and Questmark Capital, are the managers of the new fund.

Puting beliung cetus misteri

■ Jabatan Meteorologi kaji kekerapan Kedah dilanda fenomena biasa terbentuk di Amerika

Oleh Mohamad Hussin
mohamad@hmetro.com.my
Alois Setar

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengakui fenomena pembentukan puting beliung yang beberapa kali berlaku di Kedah sejak kebelakangan ini sebagai 'misteri' yang perlu dirungkai.

Bagaimanapun, Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional MetMalaysia Dr Mohd Hisham Mohd Anip, tidak menolak kemungkinan kekerapan pembentukan puting beliung di negeri ini pada kadar yang kerap iaitu tiga kes dalam tempoh hampir sebulan mempunyai kaitan dengan perubahan monsun.

Justeru, beliau berkata, pihaknya akan melakukan

kajian mengenai fenomena itu untuk mencari punca sebenar Kedah kini dilihat begitu sinonim sekali dengan pembentukan puting beliung.

"Puting beliung pernah direkod melanda beberapa negeri di sekitar Semenanjung pada 2010 lalu, iaitu di Pulau Pinang, Perlis dan juga Selangor, namun kejadian itu tidak sekerap yang berlaku di Kedah sejak akhir akhir ini.

"Apa pun kita akan kaji kenapa fenomena ini boleh terbentuk di Kedah kerana kebiasaannya puting beliung terbentuk di sekitar benua Amerika Syarikat. Ia termasuk menilai kenapa ia berlaku dan apa punca serta kriteria yang menyebabkan puting beliung terbentuk dan kenapa Kedah menjadi

destinasinya," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Pada 14 Oktober lalu, sekurang-kurangnya 10 premis membabitkan rumah kediaman dan sebuah sekolah sekitar Kampung Alor Besar di Pendang rosak teruk dilanda puting beliung yang disahkan jenis 'landspout', sebelum satu lagi insiden sama melanda lima kawasan terutama di Kampung Mergong Hilir, Kampung Sungai Baru dan Kampung Batin, di sini, menyebabkan 72 rumah serta Klinik Desa rosak, Jumaat lalu.

Terbaru, angin kencang seakan-akan puting beliung disahkan jenis 'downdraft' turut melanda kawasan Taman Wira Mergong, di sini, petang kelmarin menyebabkan 13 rumah rosak.



LAPORAN Harian Metro, Sabtu lalu.

Ditanya mengenai peralihan monsun yang dikaitkan sebagai punca paling dekat pembentukan puting beliung di Kedah, Mohd Hisham berkata, ia menyebabkan angin datang dari pelbagai arah, malah keadaan atmosfera juga aktif semasa ini menyebabkan mudah-

“Puting beliung pernah direkod melanda beberapa negeri di sekitar Semenanjung pada 2010 lalu, namun kejadian itu tidak sekerap yang berlaku di Kedah sejak akhir-akhir ini.”

Dr Mohd Hisham Mohd Anip

nya pembentukan awan ribut.

"Keadaan ini sekali gus memudahkan pembentukan puting beliung, namun dari segi saintifiknya kita tak berapa pasti mengapa

fenomena itu kerap terjadi dan ia pula tertumpu di Kedah saja.

"Hakikatnya sistem ramalan cuaca sama ada di negara ini atau di negara luar, tidak mempunyai keupayaan mengesan pembentukan puting beliung ini. Maksudnya kita tak tahu di mana puting beliung itu akan bermula atau terbentuk.

"Malah, saiznya puting beliung yang terlalu kecil iaitu kurang dari satu kilometer (km) turut menyukarkan usaha untuk mengesan pembentukannya. Kita ambil contoh puting beliung darat yang membadai beberapa kawasan di Kedah, ia hanya bersaiz kira-kira 20 hingga 30 meter dengan pergerakan 30 km sejam (km/h)," katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI TERENGGANU) : MUKA SURAT 51
TARIKH: 05 NOVEMBER 2014 (RABU)

Uji bunyi sistem siren tsunami

KUALA TERENGGANU - Jabatan Meteorologi membina dan menempatkan sistem siren tsunami bagi projek Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) di Pejabat Perikanan Daerah Kemaman dan Rumah Penginapan Daerah Dungun.

Bagi memastikan sistem itu berfungsi, satu pengujian akan diadakan pada 10 November ini jam 11 pagi di Pejabat Perikanan Daerah Kemaman manakala jam 3 petang di Rumah Penginapan Daerah Dungun.

"Penduduk diminta tidak panik atau cemas ketika mendengar siren itu pada waktu pengujian diadakan," kata Jabatan Penerangan Negeri Terengganu dalam satu kenyataan kepada media, semalam.

Anwar tidak kemuka saksi alibi

PUTRAJAYA- Mahkamah Persekutuan semalam diberitahu Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mengemukakan sebarang bukti alibi bagi menyokong dakwaan kononnya tidak berada di tempat insiden liwat bersama bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan, enam tahun lalu.

Ketua Pendakwa Raya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam hujahannya berkata, walaupun 14 senarai saksi alibi telah difailkan oleh mendiang Karpal Singh pada Mei 2009, tidak seorang pun dipanggil untuk memberi keterangan.

"Pihak pembelaan hanya memberi alasan bimbang sekiranya saksi yang disenaraikan itu diganggu polis.

"Alasan tersebut mengarut dan tidak kukuh," katanya.

Menurutnya, rakaman litar tertutup CCTV telah membuktikan kehadiran Anwar, 67, disusuli oleh Mohd Saiful Bukhari, 29, di kondominium tersebut.

"Sepatutnya Anwar bertanggungjawab menyangkal



Anwar disambut Adun Hulu Kelang, Saari Sungib dan Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali ketika tiba di Istana Kehakiman bagi mendengar hujahan kes liwat yang masuk hari keenam, semalam.

kehadirannya di tempat dan waktu berkenaan," katanya.

Beliau berkata, memandangkan pihak pembelaan tidak mengemukakan bukti alibi, ia telah memberi kesan yang buruk terhadap perayu.

"Mahkamah boleh membuat 'adverse inference' sekiranya perayu gagal berbuat de-

mikian," katanya.

Mengenai kemerosotan mutu bahan bukti seperti dipersoalkan pihak pembelaan, beliau berkata hasil ujian air mani menunjukkan ianya sempurna walaupun Ahli Kimia Dr Seah Lay Hong tidak menyatakan sampel itu berada dalam keadaan tulen.

"Selagi sampel itu dapat dibaca, maka tidak perlulah ujian lain dilakukan," katanya.

Menyentuh isu penemuan DNA ketiga yang tidak dapat dikenal pasti turut ditemui di dalam dubur Mohd Saiful Bukhari, Shafee berkata, ia mungkin milik Dr Mohd Osman Abdul Hamid.

"Kemungkinan Dr Mohd Osman cuai dan secara tidak sengaja tertinggal DNA miliknya di dalam rektum Mohd Saiful Bukhari," katanya.

Menurutnya, Dr Mohd Osman menjalankan pemeriksaan di dalam dubur Mohd Saiful Bukhari dengan menggunakan proktoskop.

"Semasa perbicaraan, isu kebersihan peralatan yang digunakan serta pemakaian sarung tangan oleh doktor itu tidak dibangkitkan," katanya.

Menurutnya, DNA ketiga itu dikesan ketika pemeriksaan di Hospital Kuala Lumpur.

"Bagaimana pun DNA 'Male Y' lebih banyak ditemui berbanding DNA ketiga," katanya.

Selain itu dalam hujahannya, Muhammad Shafee berkata, saksi pembelaan Pakar DNA, Dr Brian McDonald adalah merupakan saksi pakar yang tidak berwibawa kerana tiga keterangannya ditolak mahkamah sejak 2007.

"Mahkamah Australia tidak mengiktiraf Dr Brian sebagai pakar DNA dan keterangannya juga banyak

ditolak oleh mahkamah negara itu serta Brunei," katanya.

Beliau berkata, prosedur ujian yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Negara ke atas sampel DNA setanding dengan Singapura.

Menurutnya, Anwar boleh melakukan ujian DNA di luar negara bagi menyangkal dirinya dikaitkan DNA 'Male Y'.

Beliau berkata, ujian itu boleh dilakukan di Eropah mahupun Australia namun pihak pembelaan hanya mendakwa berlakunya pemalsuan dan bahan bukti yang tercemar.

"Ahli kimia yang melakukan ujian DNA tidak pernah menafikan berlakunya penurunan kualiti sampel itu malah mengakui perkara tersebut berlaku sejak ia diambil daripada Mohd Saiful Bukhari 54 sehingga 56 jam selepas didakwa diliwat," katanya.

Shafee selesai menggulung hujahan pada jam 3 petang semalam selepas hujahan pendakwaan.

Prosiding ditangguhkan dan akan bersambung pada Khamis dengan hujahan balas pembelaan.

'Anwar could have tested own DNA'

Prosecution questions why a test was not done abroad to dispute Male Y profile

By M. MAGESWARI
mages@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim should have conducted his own DNA test to dispute the Male Y DNA profile which the prosecution contends belongs to him, the Federal Court heard.

Lead prosecutor Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah said: "He (Anwar) got his DNA in his power. He could go to Australia or Europe quietly for his DNA (test)."

"I am sure this court will allow (the results of the test) as additional evidence."

In his submission yesterday before

a five-man panel, chaired by Chief Justice Arifin Zakaria, Muhammad Shafee derided Anwar's claim of conspiracy.

In the coram are Court of Appeal president Justice Raus Sharif and Federal Court judges Justices Abdull Hamid Embong, Suriyadi Halim Omar and Ramly Ali.

Muhammad Shafee said: "This is not the first case of a politician who sprays bullets at everyone on conspiracy."

The court had to examine the broad allegation of conspiracy, which should be "logical and believable", he said, adding that "none of it (is) and it is mere allegation".

Muhammad Shafee asked how anyone could have obtained Anwar's DNA to implicate him on the sodomy charge.

"On the high rectal swab taken from Mohd Saiful Bukhari Azlan, what is the appellant's DNA doing there at 4cm (in Mohd Saiful's rectum) should be answered by the appellant," he said.

He also asked how come Anwar's semen was found on underwear worn by Mohd Saiful on the day the former aide was examined by a doctor.

On the degradation of samples, Muhammad Shafee noted that the prosecution's two chemists had con-

ceded that this was possible.

He said the court should appreciate that their analysis was not for knowing the extent of degradation of samples but rather to get the reading of the DNA.

Although the samples were degraded, government chemists Dr Seah Lay Hong and Nor Aidora Saedon were able to isolate the semen head, which was not damaged and were able to get a perfect DNA profile, he said.

Muhammad Shafee asserted that it was never the prosecution's case that the samples were in pristine condition. He also argued that the Court of Appeal was correct in find-

ing that the defence's expert Dr Brian McDonald was merely an armchair expert.

"Dr McDonald's evidence was not allowed in his own country. He appeared as a DNA expert but his evidence had been rejected," he said.

He also questioned the way Pusrawi Hospital doctor Dr Mohamed Osman Abdul Hamid, who was the first to examine Mohd Saiful, conducted his examination - "whether he used a glove and a sterilised proctoscope when he examined the anus of Mohd Saiful."

The appeal hearing, which entered its sixth day yesterday, will continue tomorrow.



Anwar Patut Jalani Ujian DNA Buktikan Profil 'Lelaki Y' Bukan Miliknya - Pendakwaan

PUTRAJAYA, 4 Nov (Bernama) -- Penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim sepatutnya menjalani ujian DNA untuk membuktikan bahawa profil tidak dikenali 'Lelaki Y' yang ditemui dalam dubur Mohd Saiful Bukhari Azlan bukan miliknya, Mahkamah Persekutuan diberitahu pada Selasa.

Pendakwa Raya Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berkata pihak pembelaan tidak pernah menjelaskan mengapa sampel air mani Anwar ditemui dalam dubur Mohd Saiful.

"Dia sepatutnya bersedia menjalani ujian DNAnyanya sendiri jika air mani itu bukan miliknya. Dia boleh melakukan ujian DNA itu secara diam-diam di Australia atau Eropah," katanya ketika berhujah di hadapan barisan panel lima hakim diketuai Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria yang mendengar rayuan akhir Anwar terhadap sabit kesalahan dan hukuman penjara lima tahun atas kesalahan meliwat.

Muhammad Shafee yang mengetuai pasukan pendakwaan berkata Anwar boleh menyerahkan hasil ujian DNAnyanya di peringkat Mahkamah Tinggi sebagai bahan bukti tambahan pihak pembelaan.

Mahkamah Rayuan telah mendapati Anwar, 67, bersalah meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari, 27, di Unit 11-5-1 Kondominium Desa Damansara, Jalan Setiakasih, Bukit Damansara, antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Anwar menghadapi pertuduhan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Prosiding mendengar rayuan, yang pada mulanya ditetapkan selama dua hari bermula 28 Okt, telah dilanjutkan kerana kedua-dua pihak mengemukakan hujahan yang panjang lebar.

Pihak pembelaan berusaha untuk membebaskan ketua pembangkang itu daripada pensabitan kerana kesalahan meliwat sementara pihak pendakwaan mahu mahkamah menolak rayuan Anwar bagi mengetepikan pensabitan dan hukuman penjara ke atasnya.

Empat lagi hakim yang bersidang dalam barisan panel hakim Mahkamah Persekutuan itu ialah Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif dan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Tan Sri Abdull Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Ramly Ali.

Bagi menyanggah dakwaan Anwar bahawa tuduhan liwat itu ialah berupa satu konspirasi, Muhammad Shafee berhujah bahawa ia dakwaan semata-mata kerana langsung tidak logik dan sukar untuk mempercayainya.

Mengenai calitan tinggi rektal yang diambil dari bahagian intim Mohd Saiful Bukhari yang menunjukkan kehadiran DNA Anwar, Muhammad Shafee berkata "Bagaimana DNA perayu boleh berada di situ pada kedalaman 4 sm (dalam rektum pengadu) dan ia sepatutnya dijawab oleh perayu."

Beliau juga mempersoalkan mengapa air mani Anwar dijumpai pada seluar dalam Mohd Saiful Bukhari berwarna kelabu yang dipakai oleh pengadu pada hari dia diperiksa seorang doktor Pusrawi dan semasa membuat laporan polis pada 28 Jun 2008, dua hari selepas insiden liwat itu didakwa berlaku.

Ketua pendakwaan itu juga mempertikaikan hujah pihak pembelaan bahawa calitan kapas yang diambil dari bahagian intim Mohd Saiful berada dalam "keadaan tidak tercemar" selepas 56 jam insiden itu berlaku sebelum ia sampai di jabatan kimia.

Beliau meneruskan hujahnya bahawa pihak pendakwaan tidak pernah berkata sampel itu berada dalam keadaan tidak tercemar tetapi perkataan itu terkandung dalam keterangan pakar asing Dr Brian McDonald yang menjadi saksi pihak pembelaan.

Muhammad Shafee juga berhujah bahawa sebuah mahkamah di Australia telah memutuskan bahawa walaupun McDonald ialah seorang pakar mengenai DNA, kenyataan dan keterangannya tidak boleh menjadi asas sandaran.

"Malah Mahkamah Rayuan ketika menyabitkan perayu, dalam penghakimannya menyatakan bahawa keterangan McDonald sebagai 'pakar yang hanya pandai berteori'" kata beliau.

Beliau juga menarik perhatian kepada satu kes pembunuhan di Australia apabila sampel DNA diambil selepas lebih 13 tahun tetapi DNA masih boleh dibaca dan pelakunya telah disabitkan kesalahan.

Muhammad Shafee berkata **ahli kimia Dr Seah Lay Hong**, dalam keterangannya, tidak berkata bahawa sampel berada dalam keadaan tidak tercemar tetapi bacaan DNA adalah cukup baik.

"Ahli kimia itu dapat membaca DNA dan kemerosotan sampel itu tidak harus dipersoalkan," kata beliau.

Muhammad Shafee merujuk kepada satu kes undang-undang di Thailand berhubung dengan kemerosotan sampel, yang dibantah oleh peguam Ramkarpal Singh atas alasan ia tidak dapat difahami, kerana ia dalam bahasa Thai.

"Hanya kesimpulannya dalam bahasa Inggeris. Bagaimana kita hendak memahaminya jika demikian, saya juga boleh membangkitkan kes undang-undang Sepanyol," kata beliau, disambut ketawa mereka yang berada di dalam mahkamah.

Hakim Arifin bersetuju bahawa kandungan kes itu tidak dapat difahami.

2014 World Space Week at the Planetarium from Nov 8

4 NOVEMBER 2014 @ 6:17 PM

 Tweet 8

[Log In](#)

KUALA LUMPUR: The World Space Week 2014 (WSW2014) themed 'Space: Guiding Your Way' will be held for five days, from Nov 8-12 at the National Planetarium here.

The **National Space Agency of Malaysia (Angkasa)**, in a statement today, said WSW2014 celebrates the contribution of space science and technology to the betterment of mankind at an international level.

The United Nations General Assembly had declared Oct 4-10 to celebrate the World Space Week each year.

"Oct 4 was chosen to commemorate the event in conjunction with the date of the launch into outer space of the first human-made Earth satellite, Sputnik I, while Oct 10 is the date the Treaty on Principles governing the activities of States in the exploration and peaceful uses of outer space, including the Moon and other celestial bodies (the Outer Space Treaty) was signed," the statement said.

Angkasa, the National Planetarium and the Star Finder will work together to carry out relaxing and knowledgeable activities such as observations of the Sun, observations of the Night Sky, Treasure Hunt, Colouring Contest, DIY Solar System workshops, Puppet Shows, Sharing Ideas and Astronomical experiences, Space Science Forum, Rocketr Workshop and Space talks.

For more information, people can visit the website at <http://www2.angkasa.gov.my/planetarium>, Facebook/Twitter Angkasa or call 03-22734303. - BERNAMA



BN Sabah Gerakkan Kembali Jawatankuasa Penubuhan RCI

KOTA KINABALU, 4 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Barisan Nasional (BN) Sabah yang ditubuhkan pada 2011 untuk menimbang cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai pendatang tanpa izin di negeri ini suatu ketika dulu, kini digerakkan kembali, kata Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO).

Pemangku presiden UPKO Datuk Madius Tangau berkata jawatankuasa itu, yang diketuai Timbalan Ketua Menteri Sabah dan presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, akan menyelaras semua pendapat dan cadangan untuk menyelesaikan masalah berkenaan, bermula dengan syor penubuhan RCI.

"Ini (menggerakkan kembali jawatankuasa itu) dipersetujui Jumaat lepas oleh Dewan Tertinggi BN pada mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri (dan pengerusi BN) Datuk Seri Najib Tun Razak di Kuala Lumpur," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Tangau, yang juga Anggota Parlimen Tuaran, berkata jawatankuasa itu akan memulakan tindakannya sebaik sahaja laporan mengenai RCI yang ditunggu sejak sekian lama, dibentang di Parlimen, "yang saya difahamkan akan dibuat pada sidang semasa".

Kata Tangau beliau menyatakan pada mesyuarat itu bahawa selagi laporan berkenaan tidak didedahkan kepada umum, sebarang pengumuman tidak boleh dibuat, terutama tentang dasar kerajaan berkaitan pendatang tanpa izin, termasuk cadangan memberi sijil kelahiran kepada kanak-kanak tanpa warganegara di negeri ini.

"Untuk rekod, UPKO menentang pemberian dokumen itu (sijil kelahiran kepada kanak-kanak tanpa warganegara di Sabah). Kami berpendapat perkara itu perlu dibincang terlebih dahulu dalam kalangan pemegang kepentingan seperti parti BN di Sabah," katanya.

Tangau berkata pemimpin UPKO lain, terutama [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#), akan membuat susulan tentang perkara itu di Putrajaya.

Sementara itu, kata Tangau, UPKO sedang membuat persiapan akhir untuk mengadakan konvensyennya, yang dijangka dirasmikan perdana menteri pada 15 Nov di Dewan Kompleks Sukan Likas di sini.

-- BERNAMA